

TARIKH	AHAD, 23 JUN 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	FADILLAH BAWA MESEJ PENTING ISU TENAGA
M/S	3
BIDANG	ENERGY
KATA KUNCI	ENERGY TRANSITION, MALAYSIA

## Minggu Tindakan Iklim London 2024

# Fadillah bawa mesej penting isu tenaga

**Putrajaya:** Datuk Seri Fadillah Yusof akan membawa mesej penting dalam Minggu Tindakan Iklim London 2024 yang bakal dihadiri minggu depan, terutama menentang perspektif Malaysia dan negara sedang membangun dalam usaha peralihan tenaga.

Timbalan Perdana Menteri juga dijadual menyampaikan ucapan tama dalam sesi *High-Level Dialogue on Coal Phase-Out* pada pentas terbabit atas jemputan kerajaan United Kingdom (UK).

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) memaklumkan ia sebahagian daripada rangka lawatan kerja rasmi Fadillah ke UK bermula 23 hingga 27 Jun ini.

Menurut PETRA, penyerta-

an Fadillah yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ke sesi dialog peringkat tinggi cukup penting untuk menyatakan pendirian Malaysia agar peralihan tenaga dilaksanakan secara adil dan saksama, termasuk dalam aspek *coal phasing-out*.

“Hal ini kerana keperluan pembangunan ekonomi di negara sedang membangun juga perlu diambil kira dalam aspirasi perubahan iklim dan peralihan tenaga global yang diterajui negara maju,” katanya melalui kenyataan.

Dalam rangka lawatan sama, Fadillah dijangka mengadakan lawatan teknikal ke projek loji jana kuasa angin Vantage RE PLC, yang juga anak syarikat

milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi meninjau dan mempelajari aspek pembangunan industri dan kawalan regulatori di UK menerusi perspektif pemaju dan pemilik projek.

Beliau juga akan bertemu pihak International Hydroelectric Association (IHA), pertubuhan antarabangsa bagi memayungi pihak berkepentingan dalam pembangunan hidroelektrik, bertujuan menerokai bidang usaha sama bersama IHA bagi memanfaatkan potensi pembangunan hidroelektrik di Malaysia sebagai sumber bekalan elektrik baseload, terutama di Sarawak.

Selain itu, beliau akan mengadakan lawatan teknikal ke ke-

mudahan rawatan air mentah dan air kumbahan milik Wessex Water, iaitu syarikat perkhidmatan air dan pembetulan di Bath, Barat London, yang dimiliki YTL Power International Berhad.

“Lawatan teknikal ini antara lainnya akan meninjau sistem rawatan air mentah termasuk pengurusan rawatan air sisa kumbahan yang dilakukan oleh pihak Wessex Water.

“Ketika berada di UK, Timbalan Perdana Menteri juga dijadualkan bertemu dengan diaspora Malaysia di London bagi berkongsi mengenai usaha dan inisiatif pembangunan terkini negara terutama dalam aspek peralihan tenaga,” menurut PETRA. BERNAMA

DISEDIAKAN  
OLEH

NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM